

22 JUN 2002

Abdullah-Mahathir

DR MAHATHIR CUTI BEBERAPA HARI SEBELUM SAMBUNG TUGAS

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan bercuti selama beberapa hari sebelum kembali menyambung tugasnya, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam ini.

Beliau berkata Dr Mahathir telah memaklumkan kepada Kabinet sebelum ini dan Kabinet telah bersetuju supaya beliau pergi bercuti.

"Ia bukannya lama. Beliau berhak untuk berehat beberapa hari selepas menghadiri perhimpunan dan sebelum itu melawat ke beberapa tempat, dan dia ada membayangkan untuk bercuti," katanya pada sidang media semasa mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno berhenti rehat di ibu pejabat parti di sini.

Abdullah mempengerusikan mesyuarat itu yang diadakan selepas Dr Mahathir bersetuju menarik balik hasratnya untuk meletakkan jawatan yang diumumkan semasa menggulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra petang tadi.

Ditanya sama ada Dr Mahathir akan melakukan lawatan kerja ke Bangkok dan menghadiri mesyuarat G15 di Venezuela yang dijadualkan bulan depan, Abdullah berkata lawatan ke Bangkok adalah atas kapasitinya sebagai Perdana Menteri dan beliau tentu sudah kembali bertugas sebelum itu.

Ketika ditanya apakah yang menyebabkan Perdana Menteri mengumumkan peletakan jawatannya, Abdullah berkata Dr Mahathir memberitahu bahawa keputusan itu diambil kerana berasa sudah tiba masanya untuk mengundurkan diri berdasarkan kedudukan parti yang kukuh sekarang.

"Beliau telah memberitahu bahawa itu (peletakan jawatan) adalah satu keputusan yang beliau ambil kerana sudah lama memimpin parti dan berasa gembira kerana pada waktu ini kedudukan parti adalah baik dan kukuh, telah dipulihkan, maka dengan itu beliau rasa inilah masanya beliau perlu membuat keputusan seperti yang telah diumumkan," katanya.

Abdullah berkata Dr Mahathir menegaskan tidak ada sesiapa di kalangan pemimpin Umno yang membuat apa-apa yang menyebabkan beliau mengambil keputusan sedemikian.

"Sebab itu beliau mengambil keputusan sendiri dan tidak ada ahli keluarganya yang tahu terlebih dahulu hasrat beliau untuk meletak jawatan tapi ahli keluarganya semua menyokong hasrat Dr Mahathir (untuk) bersara," katanya.

Abdullah berkata MT telah memutuskan bahawa semua anggota MT akan kembali ke negeri masing-masing dan memberi penjelasan kepada anggota bawahan parti mengenai perkara itu.

"Yang pentingnya ialah ketua bahagian perlu memahami dan menerima bahawa Dr Mahathir akan terus memegang jawatannya seperti sekarang... tiada apa-apa perubahan dan dengan itu parti perlu bertenang dan tidak mengambil apa-apa tindakan yang menimbulkan suasana yang tidak baik dalam parti dan di samping itu terus dengan bekerja seperti biasa," kata beliau.

Beliau berkata semua anggota Umno seluruh negara masih memerlukan Dr Mahathir untuk terus memimpin parti.

Ditanya bagaimana perasaannya semasa Dr Mahathir membuat pengumuman itu, Abdullah berkata: "Tentunya saya terkejut...kami tidak tahu bagaimana untuk bertindak balas."

Terdahulu Abdullah berkata Dr Mahathir semasa dipujuk oleh anggota MT, selepas mengumumkan peletakan jawatannya, telah memberitahu yang pendiriannya itu adalah satu pendirian yang tegas yang telah difikirkan dengan serius.

"Beliau mengatakan pendirian itu tadi (adalah) pendirian tegas yang beliau telah fikirkan sebelum kenyataan itu dibuat.

"Walaubagaimanapun apabila beliau pergi ke bilik rehatnya, ahli-ahli Majlis Tertinggi khususnya mereka yang menganggotai jawatankuasa pengurusan (Umno), mengambil peluang berjumpa beliau dan melahirkan rasa, pandangan parti iaitu parti masih mahu beliau memimpin Umno dan terus pegang jawatan-jawatan yang pada waktu ini beliau sandang," katanya.

Abdullah berkata setelah sekian lama dipujuk, Dr Mahathir bersetuju dan berkata akan menarik balik keputusannya untuk meletak jawatan.

"Percayalah kita mengambil masa yang cukup panjang untuk menyatakan pada beliau, untuk pujuk beliau supaya memahami hasrat dan perasaan ahli-ahli Umno yang tidak mahu beliau meletak jawatan bahkan mahukan beliau terus memimpin parti dan kerajaan," katanya.

-- BERNAMA

HS SR ZS RHM